

# Melestarikan pelajar antarabangsa

UTUSAN MALAYSIA  
17/5/2016 p. 13

**MAD NASIR SHAMSUDIN**



**B**ILANGAN pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini meningkat empat kali ganda sejak 2000, iaitu daripada 26,000 kepada lebih 110,000 sehingga kini. Dianggarkan pada 2020, bilangan pelajar antarabangsa mencecah 200,000 yang dapat menajana pendapatan negara dalam lingkungan RM19 bilion.

Kehadiran pelajar antarabangsa membuktikan bahawa kualiti pendidikan tinggi di negara ini diiktiraf oleh masyarakat global. Namun untuk memastikan kelestarian kehadiran mereka, IPT sama ada universiti awam atau universiti swasta perlu mewujudkan ekosistem yang kondusif termasuk sistem sokongan yang diperlukan untuk menjamin keselesaan dan kejayaan pengajian mereka. IPT perlu melihat kehadiran pelajar antarabangsa ini bukan sebagai sumber penajanaan pendapatan semata-mata, tetapi juga sebagai jaringan antarabangsa dan aset untuk menghasilkan output penyelidikan yang berimpak tinggi.

Seperti juga apabila memulakan pengajian di negara lain, pada amnya pelajar antarabangsa akan menghadapi beberapa cabaran sebagai pelajar baharu, antaranya;

■ **Bahasa:** Ini cabaran yang berlaku kepada mana-mana pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di negara yang menggunakan bahasa berbeza dengan bahasa ibunda mereka. Dalam situasi seperti ini, pelajar antarabangsa akan menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi dengan penduduk tempatan. Proses pembelajaran menjadi sangat mencabar kerana sukar untuk memahami apa yang diajari, selain cabaran yang dihadapi untuk meletakkan diri dalam kelompok yang sama dengan pelajar lain. Di Universiti Putra Malaysia (UPM), kewujudan 'sistem kawan' dapat membantu pelajar antarabangsa menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu.

■ **Visa dan pas pelajar:** Permohonan visa dan pas pelajar adalah cabaran getir yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa. Tidak dapat dinafikan isu keselamatan negara perlu diberi keutamaan, justeru kelulusan visa dan pas pelajar perlu ditimbang dengan penuh teliti dan berhati-hati. Sungguhpun demikian, kewujudan birokrasi yang



**KEHADIRAN** ramai pelajar antarabangsa di Malaysia membuktikan bahawa kualiti pendidikan tinggi di negara ini diiktiraf oleh masyarakat global. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

amat ketat, sebagai contoh pas pelajar perlu diperbaharui setiap tahun menimbulkan kekusaran dalam kalangan pelajar yang boleh mengganggu tumpuan mereka dalam pengajian.

Namun, perkembangan mutakhir menjanjikan ekosistem yang lebih baik kepada pelajar antarabangsa apabila Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil langkah positif dengan menyediakan permohonan visa secara atas talian dan apa yang lebih menarik lagi ialah tempoh sah laku pas pelajar kini diberi mengikut tempoh pengajian sebenar pelajar dan bukan lagi dari setahun ke setahun.

■ **Budaya:** Menghadapi budaya asing sedikit sebanyak menimbulkan keadaan yang kurang menyenangkan dari sudut fizikal dan emosi kepada pelajar yang berhijrah untuk melanjutkan pengajian di tempat yang terasing dari kampung halaman. Untuk menghadapi cabaran ini, pelajar perlu mengadaptasi dengan seberapa segera norma dan amalan masyarakat tempatan untuk merasai suasana seperti di kampung halaman.

■ **Iklim:** Isu ini juga cabaran kepada pelajar antarabangsa khususnya yang berasal dari negara beriklim sederhana apabila datang ke negara beriklim tropika seperti Malaysia. Sudah tentu pelajar berkenaan akan menghadapi kesukaran di peringkat awal pengajian untuk menyesuaikan dengan iklim baharu.

■ **Merindui kampung halaman:** Berada dan tinggal di negara orang menyebabkan pelajar antarabangsa

merindui kampung halaman kerana berjauhan dengan keluarga. Ini pengalaman getir yang ditempuh menyebabkan banyak masa diambil memikirkan dan teringat akan keluarga masing-masing.

Sungguhpun perkara ini adalah cabaran yang sukar diatasi, dinasihatkan supaya pelajar antarabangsa menjadikan rakan baharu sebagai sebahagian daripada keluarga mereka. Pelajar antarabangsa harus ingat bahawa walaupun cabaran ini menimbulkan masalah kepada mereka, namun keperluan akan kejayaan pendidikan mengatasi segala-galanya.

Persoalannya adalah bagaimana kita menyediakan program perbezaan atau silang budaya dan perkhidmatan untuk membantu pelajar antarabangsa mengadaptasi dan mencapai kejayaan dalam bidang akademik? Bermula daripada permohonan kemasukan sehingga bergraduat meliputi persediaan sebelum ketibaan, program suai kenal dan sokongan yang berterusan.

UPM yang mempunyai pelajar antarabangsa dalam lingkungan 4,200 orang, contohnya, telah mengambil langkah proaktif dan mempunyai sistem sokongan untuk menangani cabaran tersebut.

Ini termasuk memberi nasihat semasa proses permohonan, menyediakan pengangkutan untuk menjemput pelajar semasa ketibaan di lapangan terbang, kemudahan penginapan sementara, program suai kenal sebagai satu platform untuk para pelajar mendapatkan maklumat berkaitan UPM, selain wadah interaksi dalam

Persoalannya adalah bagaimana kita menyediakan program perbezaan atau silang budaya dan perkhidmatan untuk membantu pelajar antarabangsa mengadaptasi dan mencapai kejayaan dalam bidang akademik? Bermula daripada permohonan kemasukan sehingga bergraduat meliputi persediaan sebelum ketibaan, program suai kenal dan sokongan yang berterusan."

proses mereka untuk mengadaptasi dengan kehidupan dan suasana kampus serta perkhidmatan permohonan visa dan pas.

UPM juga menggalakkan program mobiliti untuk membantu menyediakan warga negara yang global. Setiap tahun lebih daripada 2,000 pelajar mobiliti masuk dan keluar terlibat dalam program ini.

Hakikatnya, kehadiran pelajar antarabangsa ini penting sebagai pelaburan untuk meningkatkan kedudukan negara kita sebagai pusat pendidikan di persada global. Mereka ini bukan sahaja sebagai sumber penajanaan pendapatan negara dari segi perbelanjaan pengguna dan yuran pengajian, tetapi juga sebagai kesan berganda pada masa hadapan.

Pelajar tempatan pun boleh mengambil kesempatan untuk mendapat pendedahan tentang budaya pelajar antarabangsa ini. Kelestarian kehadiran mereka bergantung kepada, bukan sahaja dasar kerajaan yang kondusif, tetapi sistem sokongan dan bagaimana sistem ini dapat membantu mendapatkan ijazah yang diidamkan.

Kini, kerajaan semakin menyedari akan sumber kekayaan yang diperolehi melalui keterlibatan dalam pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa dan kepentingan kewujudan sistem sokongan yang menyeluruh sebagai faktor kejayaan sektor ini.

**PROF. DATUK DR. MAD NASIR SHAMSUDIN** ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM).